

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





ENACTUS

GO INTERNATIONAL!


Nazlin Emieza Binti Ngah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.

Enactus UiTM Cawangan Terengganu sentiasa bergerak aktif mencari idea dan projek untuk membantu komuniti dalam keusahawanan sosial. Antara projek yang telah dan sedang berjalan adalah projek penternakan madu kelulut bersama pelajar pendidikan khas di tiga buah sekolah menengah di daerah Dungun, projek jahitan mini sejadah bersama anak yatim dan ibu tunggal daerah Dungun dan banyak lagi. Hasil projek akan dibawa ke pertandingan-pertandingan bertemakan keusahawanan sosial bertujuan meningkatkan ilmu dan kemahiran ahli kelab serta memperkenalkan UiTM Cawangan Terengganu ke serata tempat.

Pada 3 Mac 2021, Enactus telah menghantar dua kumpulan pelajar ke pertandingan peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Enactus Universiti Nottingham Malaysia (UNM). Pertandingan tersebut telah berlangsung selama tiga minggu yang disertai oleh pelajar dari pelbagai negara antaranya termasuklah Indonesia, Australia, Singapura, Finland dan lain-lain. Kampus kita telah menghantar dua projek iaitu Peluang Proof, projek mini sejadah bertemakan batik Terengganu. Manakala satu lagi kumpulan iaitu The Mush Ammends membawakan projek tanaman cendawan tiram kelabu bersama bekas penagih dadah Ketengah Jaya.

Pertandingan ini terbahagi kepada dua peringkat yang mana pertamanya ahli kumpulan perlu melalui 'bidding session' dahulu di mana mereka perlu mendapatkan pelabur kepada projek mereka sebelum mara ke sesi 'investment pitching' dan seterusnya ke peringkat akhir. Alhamdulillah, kumpulan The Peluang Proof berjaya dinobatkan sebagai kumpulan terbaik dalam 'investment pitching' dan mara ke peringkat akhir bersama dengan lapan kumpulan yang lain dari pelbagai negara.

Hasil kegigihan dan usaha, The Peluang Proof berjaya menempatkan diri di lima kumpulan terbaik dari lapan kumpulan yang bertanding di pertandingan akhir. Alhamdulillah, kami sangat bangga kerana berjaya memperkenalkan Enactus UiTM Terengganu, membawa imej dan nama baik kampus serta memperkenalkan batik Terengganu ke peringkat antarabangsa. Kumpulan ini juga telah berjaya menarik minat beberapa orang pelabur yang ingin membantu projek ini ke tahap seterusnya. Semoga Enactus UiTM Terengganu terus dikenali dan memberi impak serta inspirasi kepada semua pelajar UiTM Terengganu dan masyarakat.






Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash